

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEMBAHASAN AYAT-AYAT AL-QURAN TENTANG NABI MUHAMMAD

Nama “**Muhammad**” di dalam Al-Quran telah diulang sebanyak lima kali, manakala nama “**Ahmad**” hanya disebut sekali. Selain dari itu, Nabi Muhammad juga digelar **Nabi**, **Rasul** dan ‘**Abd** dalam Al-Quran.

Pertama : Surah Ali ‘Imran Ayat 144

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ
أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ
اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ

Tidak lain Muhammad itu hanyalah seorang Rasul yang telah terdahulu beberapa orang rasul sebelumnya. Jika ia mati atau dibunuh orang adakah kamu akan berpaling tadah yakni kembali kufur? Dan sesiapa berpaling tadah, maka tiada akan mendatangkan bahaya kepada Allah sedikit pun, dan Allah akan memberi balasan kepada orang yang bersyukur.¹

Tafsiran Ayat

Ayat ini diturunkan sewaktu berlakunya peperangan Uhud. Tatkala itu, tersiarlah berita tentang terbunuhnya Nabi Muhammad saw - berita dusta yang disiarkan oleh Iblis lalu dibesar-besarkan dan dihebohkan oleh orang-orang Munafik.

Dapat difahami dari ayat ini bahawa terbunuhnya Muhammad saw tidak dapat melemahkan agama yang dibawanya dengan dua pengertian :

1. Muhammad saw adalah manusia seperti kebanyakan para nabi, yakni mereka juga mati atau terbunuh.
2. Tujuan penciptaan rasul ialah menyampaikan pengajaran agama. Kalau telah selesai disampaikan, terlaksanalah tujuan itu, dan tidaklah sekali-kali agama itu akan rosak disebabkan rasul itu terbunuh.

Kedua : Surah Al-Ahzab Ayat 40

¹ Surah Ali ‘Imran ayat 144

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ
النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Muham

mad itu bukanlah bapa kepada salah seorang di antara orang-orang lelaki di kalangan kamu, tetapi dia adalah utusan Allah dan penutup sekalian para nabi, dan adalah Allah itu mengetahui segala sesuatu.²

Sebab turunnya ayat ini ialah tatkala Rasulullah saw telah berkahwin dengan Zainab Binti Jahasy, orang-orang pun berkata : Sesungguhnya Muhammad telah mengahwini isteri anaknya. Maka Allah swt pun menurunkan ayat ini, untuk menolak kebenaran kata-kata yang dilemparkan orang kepada Baginda.

Tujuan firman ini ialah untuk mengingatkan Baginda seperti berikut :

Engkau wahai Rasul, janganlah takut diumpat orang yang mengatakan engkau trlah mengahwini janda atau bekas isteri anak angkatmu Zaid, sedangkan ia bukan anak kandungmu sendiri. Dan engkau bukanlah bapa kepada seorang lelaki pun dari kalangan kaummu, begitu pula bukan bapa kepada siapa pun dari manusia yang ada ini - dengan erti kata bukan bapa kandung dalam lingkungan orang yang dinamakan Mahram yakni orang yang diharamkan nikah. Di samping itu, engkau adalah menjadi penutup kepada nabi-nabi yang lain, tidak ada nabi sesudah engkau dan tidak pula ada nabi yang bersama-sama engkau.

Ketiga : Surah Muhammad Ayat 2

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَآمَنُوا بِمَا نُزِّلَ عَلَيَّ مُحَمَّدٍ
وَهُوَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ كَفَّرَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَأَصْلَحَ بَالَهُمْ

Dan orang-orang yang beriman serta beramal salih dan percaya kepada kitab yang diturunkan kepada Muhammad sedangkan dia itu adalah benar datangnya daripada Tuhan mereka, Tuhan akan menutupi kesalahan mereka dan memperbaiki hal keadaan mereka.³

Dalam ayat ini, Allah swt menggambarkan keadaan orang-orang mukmin. Iaitu mereka orang-orang yang membenarkan adanya Allah dengan mempercayainya serta mentaatinya, yakni apa yang diperintahkan oleh Allah mereka kerjakan dan apa yang dilarangnya mereka tinggalkan. Di

² Surah Al-Ahzab ayat 40

³ Surah Muhammad ayat 2

samping itu beriman pula dengan kitab Al-Quran dan dengan rasul yang diturunkan kitab tersebut, bahwa itulah wahyu yang benar datangnya dari Allah. Maka orang-orang yang demikian sifatnya, Allah akan hapuskan kesalahan-kesalahan dari amalan mereka yang buruk, yanpa mengambil tindakan ke atas mereka.

Dan Allah memperbaiki hal keadaan mereka dalam urusan keduniaan dengan memudahkan mereka mendapat kesenangan. Dan juga Allah memperbaiki hal keadaan mereka dalam urusan akhirat, yang berakhir dengan memperoleh kenikmatan abadi dalam syurga.

Keempat : Surah Al-Fath Ayat 29

فُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ وَالَّذِيْنَ مَعَهُ اَشْدَّاءُ عَلٰى الْكٰفِرِيْنَ رَحْمًا بَيْنَهُمْ

Muhammad itu adalah utusan Allah, dan orang-orang yang bersama dengannya (para sahabat) adalah bersikap keras terhadap orang-orang kafir lagi berkasih-sayang sesama mereka.⁴

Dalam ayat ini pula, Allah swt mengatakan bahawa Dialah yang mengutus Nabi Muhammad saw membawa hidayat dan agama Islam agar meninggikannya paling unggul daripada lain-lain agama, disusulNya di sini dengan memuji para sahabat pujian yang mengharumkan mereka. Di samping itu Allah naik saksi dengan firmanNya (Muhammadur Rasulullah) yakni Muhammad saw itu benar-benar utusan Allah swt, tidak diragukan meskipun orang kafir menyangkalnya.

Begitu juga hati para sahabat rasul itu tetap tegas untuk bersikap keras tiada tawar-menawar dalam menghadapi orang-orang kafir. Sebaliknya hati mereka amatlah lembut sesama mereka dengan sikap saling sayang menyayangi.

Kelima : Surah As-Saaf Ayat 6

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ بَيْنَ يَدَيْ إِسْرَآءِيْلَ إِنِّي رَسُوْلُ اللهِ إِلَيْكُمْ
مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُوْلٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي

اسْمُهُ أَحْمَدُ *Dan*

ingatlah ketika Isa putera Maryam berkata : 'Wahai kaum Bani Israel, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu, membenarkan kitab yang turun sebelumku, iaitu

⁴ Surah Al-Fath ayat 29

Taurat dan memberi khabar gembira dengan kedatangan seorang rasul sesudahku yang namanya Ahmad.⁵

Allah swt menyebutkan dalam ayat ini kisah Nabi Isa as yang mana ayat ini bermaksud : Ingatkanlah juga wahai rasul kepada kaumu akan kisah Nabi Isa as semasa ia berkata kepada kaum Bani Israel : Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu seperti yang ada disebutkan sifat-sifatnya di dalam Kitab Taurat, hal keadaanku membenarkan dan mengakui akan hukum-hukum yang ada di dalam Kitab Taurat dan juga sekalian kitab Allah yang diturunkan kepada nabi-nabiNya, tiadalah aku membawa sesuatu yang menyalahi Kitab Taurat tersebut, mengapa kamu melarikan diri daripadaku. Dan aku bawakan kepada kamu berita gembira tentang kemunculan seorang rasul yang diutus Allah nanti selepas aku, namanya Ahmad dan juga namanya, Muhammad.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah saw pernah bersabda :

لِي خَمْسَةٌ أَسْمَاءَ : أَنَا مُحَمَّدٌ، وَأَنَا أَحْمَدُ، وَأَنَا الْحَاشِرُ الَّذِي
يَحْشُرُ النَّاسَ عَلَيَّ قَدَمِي، وَأَنَا الْمَاحِي الَّذِي يَمْحُو اللَّهُ بِي
الْكُفْرَ وَأَنَا الْعَاقِبُ

“Saya mempunyai lima buah nama : Saya Muhammad, saya Ahmad, saya Al-Hasyir yang mana manusia akan dihimpunkan (pada hari Qiyamat) di hadapan kaki saya, saya Al-Mahi yang mana Allah menghapuskan kekufuran dengan perantaraan saya dan saya Al-‘Aqib yakni tidak ada nabi yang dibangkitkan selepasku”

HAKIKAT CIPTAAN NUR MUHAMMAD

Allah s.w.t mula-mula menjadikan cahaya atau **Nur Muhammad** dari nur sifat jamalnya. Nabi besar Muhammad s.a.w pernah bersabda bahawa Allah berfirman:

خَلَقْتُ رُوحَ مُحَمَّدٍ مِنْ نُورِ وَجْهِ

“Aku jadikan ruh Muhammad s.a.w. dari cahaya wajahKu.”

Nabi juga bersabda:

⁵ Surah As-Saaf ayat 6

أَوَّلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ رُوحِي

"Yang awal dijadikan Allah ialah rohku.

Nabi s.a.w bersabda:

وَأَوَّلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ نُورِي وَأَوَّلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ رُوحِي
وَأَوَّلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْقَلَمَ وَأَوَّلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْعَقْلَ

"Yang pertama diciptakan oleh Allah ialah rohku. Dan yang pertama yang diciptakan oleh Allah ialah cahayaku. Dan yang pertama diciptakan oleh Allah ialah qalam. Dan yang pertama diciptakan oleh Allah ialah akal."

Jelas dinyatakan bahawa yang awal dijadikan Allah atau dizahirkan oleh Allah s.w.t ialah nur, roh, qalam dan akal. Semua ini bermaksud bahawa mula-mula sekali yang dijadikan atau dizahirkan oleh Allah ialah suatu hakikat atau suatu realiti yang batin yang digelar oleh orang-orang sufi sebagai **Haqiqatul Muhammadiyah**.

Hakikat ini digelar dengan pelbagai nama. Ia digelar **nur** atau **cahaya** kerana ia **bersih dari kegelapan yang tersembunyi di bawah sifat Jalal**. Ataupun digelar nur kerana cahaya tersebut segala kegelapan musnah.

Allah berfirman:

قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu Nur dari Allah, dan Kitab yang nyata"⁶

Ianya digelar 'Aql Al-Kull (akal semesta) kerana tahu dan melihat segala sesuatu. Ia juga digelar qalam kerana ia menyebarkan ilmu dan hikmah dan menzahirkan ilmu dalam bentuk huruf dan perkataan. Ruhul Muhammadiyah (Ruh Muhammad) itu adalah zat segala yang wujud. Ialah awal dan hakikat alam semesta ini.

Baginda s.a.w pernah bersabda:

⁶ Surah Al-Maidah ayat 15

أَنَا مِنَ اللَّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ مِنِّي

"Aku dari Allah dan orang-orang beriman dari aku."

Allah s.w.t terbitkan segala ruh dari ruhnya. Muhammad ialah nama bagi manusia dalam alam arwah dan merupakan sumber dan asal segala perkara. Selepas terzahirnya nur Muhammad, maka Allah jadikan atau zahirkan 'Arasy dari cahaya mata hakikat Muhammad itu dan Allah jadikan makhluk-makhluk yang lain dari 'Arasy itu.

Rasulullah Itu Cahaya

Rasulullah s.a.w ialah cahaya dari Allah s.w.t., adalah sesuatu yang seseorang yang beriman boleh perkatakan kerana Al-Quran menjelaskannya pada ayat:

قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu Nur dari Allah, dan Kitab yang nyata"⁷

Dimana, perkataan Nur pada ayat di atas telah dijelaskan pada beberapa ahli tafsir Al-Quran seperti berikut:

1. Jalal al-Din al-Suyuti berkata :

"Ia adalah Rasullullah s.a.w" ⁸

2. Ibn Jarir al-Tabari berkata :

Dengan cahaya, Dia memaksudkan Rasullullah s.a.w, melaluinya Allah s.w.t telah menyinari kebenaran, menampakkan Islam, dan memansuhkan penyembahan berhala; memandangkan baginda adalah suatu cahaya bagi sesiapa yang mencari penjelasan daripada baginda, akan nampak jelas kebenaran tersebut."⁹

3. Imam Fakhr Al-Razi berkata :

⁷ Surah Al-Maidah ayat 15

⁸ Tafsir Jalalain ms 139

⁹ Tafsir Jami' Al-Bayan Jilid 6 ms 161

"Terdapat beberapa pendirian berkenaan ayat ini, yang pertama ialah Nur iaitu Muhammad, dan kitab yang nyata itu adalah Al-Quran"¹⁰

4. Imam Al-Baghawi berkata :

" Ia bermaksud Muhammad s.a.w, atau, mengikut pendirian yang lebih lemah, Islam "¹¹

5. Al- Qurtubi¹² berpendapat seperti di atas.

6. Al- Mawardi berkata :

Menyebut bahawa tafsiran Nur sebagai "Muhammad"¹³

7. Qadi `Iyad berkata:

" Dia (Muhammad s.a.w) dinamakan cahaya kerana ketelusan kedudukan baginda dan kerana kenabiannya telah didzahirkan, dan juga kerana baginda telah menerangi hati-hati mereka yang beriman dan yang mereka yang mengetahui Allah s.w.t. dengan apa yang baginda bawa."¹⁴

8. Al-Qari berkata :

" Ia telah dikatakan bahawa Cahaya dan Kitab adalah kedua-duanya dimaksudkan kepada Muhammad s.a.w kerana baginda bukan saja suatu cahaya yang amat sangat dan juga adalah sumber semua cahaya, malah baginda juga adalah sebuah kitab yang mengumpulkan dan yang menjelaskan semua rahsia. Beliau juga mengatakan (1:114, edisi Madina): "Dan apakah sangkalan yang ada untuk menolak kedua-dua perkara terhadap baginda, memandangkan baginda adalah suatu cahaya yang amat sangat, berdasarkan kesempurnaan rupa baginda berbanding semua cahaya yang lain, dan beginda adalah satu kitab yang zahir memandangkan baginda adalah kumpulan rahsia-rahsia secara keseluruhannya dan baginda mendapat bukti semua undang-undang, semua keadaan dan semua pilihan."¹⁵

Semua menunjukkan bahawa Rasullullah s.a.w. adalah cahaya dari Allah, mengikut Al-Quran. Ini adalah pendirian para ahli tafsir yang awal khasnya, sementara yang menunjukkan bahawa *Nur* sebagai "Islam" ialah satu tafsiran yang datang kemudian ataupun yang lemah.

¹⁰ Tafsir Al-Kabir jilid 11 ms 194

¹¹ Ma'alim At-Tanzil jilid 2 ms 228

¹² Tafsir Jami' Ahkam Al-Quran

¹³ An-Nukat Wal-Uyun

¹⁴ Kitab As-Syifa

¹⁵ Syarh As-Syifa (1:505, Edisi Mecca)

Rasulullah saw - Makhluk Pertama Diciptakan :

Penjelasan terhadap Rasulullah s.a.w sebagai yang pertama dijadikan, antara ulama Islam yang mengumpul usaha berkenaan keperibadian baginda ialah Al-Imam Jalaluddin As-Suyuti dalam dua jilid *Al-Khasa'is Al-Kubra*, pada bab pertama, hadith pertama beliau telah dilaporkan oleh Ibn Abi Hatim, dan Abu Nu'aym dalam *Dala'il Al-Nubuwwa*, dengan beberapa rantaian perawi daripada Qatada yang melaporkannya daripada Hasan Al-Basri, daripada Abu Huraira r.a., berhubung

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ
وَمُوسَى وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا

dengan ayat Al-Quran

"Ketika Kami mengambil dari Nabi-nabi : perjanjian setia mereka, dan dari engkau sendiri (wahai Muhammad), dan dari Nabi Nuh, dan Nabi Ibrahim, dan Nabi Musa, serta. Nabi Isa ibni Maryam; dan Kami telah mengambil dari mereka: perjanjian setia yang teguh ¹⁶"

Bahawa Rasulullah s.a.w. berkata :

كُنْتُ أَوَّلَ النَّبِيِّينَ فِي الْخَلْقِ وَآخِرَهُمْ فِي الْبَعْثِ

"Aku adalah nabi yang pertama dijadikan dan yang terakhir diutuskan."¹⁷

Perbezaan (masa) adalah relatif dan ini adalah jelas jika dilihat pada hadith berikut:

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a: Rasulullah s.a.w berkata, "Adam dan Musa bertelagah di antara satu dengan yang lain. " Engkau adalah Adam yang atas kesilapanmu mengeluarkan kamu dari Syurga." Adam berkata kepadanya, "Engkau adalah Musa yang Allah telah pilih sebagai PesuruhNya dan seorang yang Dia berfirman terus; akan tetapi engkau menyalahi aku bagi perkara yang telah tertulis di dalam ketetapan terhadapku sebelum kejadian ku?" Rasulullah s.a.w berkata dua kali, " Maka, Adam menguasai Musa."¹⁸

Di dalam falsafah sufi ada satu kepercayaan tentang apa yang dinamakan Nur Muhammad. Ianya lebih jelas jika anda membuka kitab Futuhat Makkiah Karangan Ibnu Arabi. Menurutnya, sebelum Allah mencipta alam semesta ini, dia terlebih dahulu menciptakan Nur. dari Nur inilah Allah telah menciptakan seekor burung yang indah dan melalui titisan peluh nur inilah Allah menciptakan

¹⁶ Surah Al-Ahzab ayat

¹⁷ Khasais Al-Kubra ms 3

¹⁸ Sahih Al-Bukhari Jilid 4 Hadis 55 : 621

tujuh petala langit dan bumi, tujuh petala laut iaitu laut ilmu, laut latif, Laut Sabar, Laut akal, Laut Fikir, Laut Rahmat dan Laut cahaya. Seterusnya diciptakan Adam dan Zuriatnya hinggalah kepada Nuh, Ibrahim, Ismail, Musa dan sehingga kepada Abdul Muttalib. Nur itu akhirnya muncul sebagai Nabi Muhammad SAW.

Juga terdapat di dalam doa Maulid :

وَمَنْ هُوَ آخِرُهُ أَنْبِيَاءَ بِصُورَتِهِ أَوْلَهُمْ بِمَعْنَاهُ

Nabi Muhammad yang lebih dahulu dijadikan. Tetapi dibangkitkan akhir sekali

Di dalam Al-Quran, kisah kejadian Nur Muhammad jelas tidak kelihatan. Di dalam hadis Abu Daud meriwayatkan dari Jaafar bin Hasan dari Al Walid bin Rabah dari Ibrahim bin Abu A'ladari Hafсах katanya: Ubadah bin As-Samit telah berkata :Aku mendengar Rasulullah bersabda:

Sesungguhnya Allah swt menjadikan Al-Qalam sebelum dijadikan benda benda lain.

Ada pula hadis lain mengatakan bahawa Allah s.w.t menciptakan akal sebelum diciptakan benda benda lain. Oleh itu ada ulama berpendapat bahawa semua perkara atau hadis berkenaan tentang awal kejadian adalah lemah dan tidak boleh dijadikan hujjah.

Yang pastinya nabi kita Muhammad bin Abdullah dilahirkan hasil perkongsian hidup di antara Abdullah dan Aminah di Mekah pada tahun gajah. Beliau dilahirkan dan dibesarkan sama seperti manusia biasa. Seterusnya diberikan kepadanya wahyu oleh Allah sebagaimana nabi nabi lain. Kemudian Allah wafatkannya.

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ

Sesungguhnya engkau akan mati dan mereka juga akan mati.¹⁹

Allah s.w.t menyatakan didalam Al-Quran bahawa Nabi Muhammad ialah manusia biasa.

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ

Katakanlah aku hanyalah manusia seperti kamu tetapi aku diberikan wahyu.²⁰

¹⁹ Surah Az-Zumar ayat 30

Firmannya lagi :

قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا

Katakan Maha suci Allah adakah aku makhluk lain kecuali manusia yang telah diangkat menjadi rasul.²¹

Juga terdapat kenyataan kenyataan sebegini di dalam Al-Quran yang banyaknya bukan main main.

Rasulullah saw sendiri menegaskan tentang sifatnya sebagai manusia. Imam al Bukhiari meriwayatkan dari Al-Humaidi dari Sufyan katanya: Aku telah mendengar Az-Zuhri berkata: Ubaidillah bin Abdullah telah memberitahuku dari Ibnu Abbas dari Umar yang berkhotbah di atas mimbar: Aku mendengar Rasulullah bersabda : *“Jangan keterlaluan ketika memujiku seperti golongan Nasrani memuji Isa Ibnu Maryam. Aku hanyalah hambanya ; Katakanlah Aku ini hanyalah hamba Allah dan pesuruhnya.”*

Justeru itu Nabi Muhammad s.a.w. adalah seperti manusia lain dan bukannya sejenis makhluk yang diciptakan dari emas atau perak atau tembaga. Bahkan baginda diciptakan daripada setitis mani yang terpancar keluar dari tulang sulbi lelaki dan tulang dada wanita.

Dari segi perutusannya pula bolehlah dikatakan Nur

قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ

Telah datang kepada kamu Nur iaitu Nabi Muhammaad s.a.w dan kitab yang nyata.²²

Firmannya lagi :

²⁰ Surah Al-Khafi ayat 110

²¹ Surah Al-Isra ayat 93

²² Surah Al-Maidah ayat 15

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ
بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا

Wahai nabi sesungguhnya kami telah mengutuskanmu untuk menjadi saksi dan pembawa khabar gembira dan memberi peringatan dan untuk menjadi penyeru kepada agama Allah dengan izinnya dan untuk menjadi cahaya yang menerangi.

²³

Di dalam riwayat lain baginda sering berdoa

اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا وَفِي بَصَرِي نُورًا وَفِي لَحْمِي نُورًا وَفِي
عَظْمِي نُورًا وَفِي شَعْرِي نُورًا وَعَنْ يَمِينِي نُورًا وَعَنْ يَسَارِي
نُورًا.

Ya Allah jadikan lah didalam hatiku Nur pada penglihatanku Nur dan Dagingku Nur dan pada Tulangku Nur dan pada Rambutku Nur serta dikanan dan kiriku nur.²⁴

SILSILAH NABI MUHAMMAD

€ Keturunan

²³ Surah Al-Ahzab ayat 45-46

²⁴ Hadis riwayat Ibnu Abbas dan disepakati oleh Bukhari dan Muslim

1- Muhammad *	18- Ilyas *	35- Saarugh *
2- Abdullah *	19- Mudhar *	36- Arghuu *
3- Abdul Muttalib *	20- Nizaar *	37- Faanigh (Huud) *
4- Haasyim *	21- Ma'add *	38- 'Aabir ('Aibar) *
5- Abdul Manaf *	22- 'Adnaan *	39- Syaalikh *
6- Qushaiyy *	23- Uddi *	40- Arfakhasyaz *
7- Kilab *	24- Udada *	41- Saam *
8- Murrah *	25- Alyasa'a *	42- Nuuh *
9- Ka'ab *	26- Al-Humaisi' *	43- Lamk *
10- Luaiyy *	27- Salaamaan *	44- Muttuusyalikh *
11- Ghalib *	28- Nabt *	45- Akhnukh *
12- Fihri *	29- Hamal *	46- Yaarid *
13- Maalik *	30- Qaizaar *	47- Mahlaayiil *
14- An-Nadr *	31- Isma'iil *	48- Qainaan *
15- Kinaanah *	32- Ibraahiim *	49- Anuusyh *
16- Khuzaimah *	33- Taarah *	50 - Syith *
17- Mudrikah *	34- Naahur *	51- Aadam

KELUARGA NABI MUHAMMAD S.A.W.

€ Bapa Kandung

1. 'Abdullah Bin 'Abdul Muttalib

€ **Ibu Kandung**

1. Amiinah Binte Wahhab

€ **Isteri-isteri**

1. Khadijah Bint Khuwailid
2. Saudah Bint Zam'ah
3. 'Aaisyah Bint Abi Bakr Assiddiiq
4. Hafshah Bint 'Umar AlKhattab
5. Zainab Bint Khuzaimah
6. Ummu Salamah Bint Abii Umayyah (Hind Bint Huzaifah/Suhail Bint Huzaifah)
7. Zainab Bint Jahsy
8. Juwairiyah Bint AlHaarith
9. Ummu Habiibah Bint Abii Sufyaan (Ramlah Bint Abii Sufyaan)
10. Shafiyah Bint Huyayyi
11. Maimuunah Bint AlHaarith
12. Asmaa' Bint Nu'maan
13. Ummu Syuraiki Bint Zaudaan (Ghuziah Bint Zaudaan)
14. Khaulah Bint Alhuzail

€ **Anak-anak**

1. Ibraahiim Bin An-Nabiyy (saw)
2. Abdullah Bin An-Nabiyy (saw)
3. Al-Qaasim Bin An-Nabiyy (saw)
4. Zainab Bint An-Nabiyy (saw)
5. Ruqayyah Bint An-Nabiyy (saw)
6. Ummu Kalthuum Bint An-Nabiyy (saw)
7. Faathimah Bint An-Nabiyy (saw)

Putera yang pertama adalah *Al-Qasim*, dengan nama itulah Rasul dikenal hingga dipanggil Abul Qasim. Al-Qasim dilahirkan sebelum Rasul menerima wahyu dan wafat sebelum kenabian, ketika wafat usianya dua tahun.

Putera yang kedua adalah *Abdullah*, ia digelar dengan At Thayyib (Orang yang harum) dan At Tahir (Orang yang suci). Ia lahir setelah Rasul menerima wahyu, dan wafat di Makkah ketika masih kecil. Adapun puteri puteri Rasulullah adalah : *Zainab, Ruqoyyah, Ummu Kultsum* dan *Fatimah*. Seluruh puteri Rasulullah mengalami masa Islam, dan seluruhnya ikut berhijrah ke Madinah.

Mereka yang disebutkan diatas adalah putera puteri Rasulullah yang lahir dari Khodijah Radhiyallahu 'Anha. Sedangkan dari istri yang lain, Rasul tidak mendapat keturunan kecuali hanya seorang putera laki laki yang bernama *Ibrahim* yang didapat dari istrinya Mariyah Al Qibthiyah.

Ibrahim wafat ketika berumur 70 hari, sebagian ulama berkata bahwanya Ibrahim berusia tujuh bulan ketika wafat.


Seluruh putera dan puteri Rasul, meninggal dunia semasa hidupnya Rasulullah, kecuali Fatimah az Zahra yang meninggal dunia tujuh bulan setelah wafatnya Rasul.

Puterinya yang tertua adalah Zainab, ia tumbuh dewasa dan menikah dengan Abu al 'Ash bin Rabi'. Abu al 'Ash mengalami masa Islam dan masuk Islam. Keduanya memperoleh seorang putera yang bernama Ali dan seorang puteri yang bernama *Umamah*. Ali meninggal dunia ketika kecil, sedangkan Umamah tumbuh hingga dewasa. Umamah adalah seorang bayi yang pernah digendong oleh Rasulullah dalam solatnya. Ketika Umamah telah dewasa, ia menikah dengan Ali bin Abi Thalib setelah bibinya Fatimah wafat sebagaimana telah diwasiatkan oleh Fatimah. Kemudian ketika Ali bin Abi Thalib meninggal dunia, ia menikah dengan Mughirah bin Noufel bin Harits bin Abdul Mutholib dengan wasiat dari Ali bin Abi Thalib. Umamah wafat dengan meninggalkan suaminya Mughirah dan putera mereka **Yahya**.

Puteri Rasul yang bernama Fatimah, menikah dengan Ali bin Abi Thalib. Mereka memperoleh putera yang bernama *Hasan*, *Husein* dan *Muhsin*. Muhsin wafat ketika masih kecil. Mereka juga memperoleh puteri yang bernama *Ruqoyyah*, *Zainab* dan *Ummu Kultsum*. Ruqoyyah meninggal dunia sebelum mencapai usia baligh. Sedangkan Zainab menikah dengan Abdullah bin Ja'far bin Abi Tholib, keduanya memperoleh seorang putera bernama *Ali* yang wafat ketika kecil.

Ummu Kultsum puteri Fatimah dan Ali menikah dengan Umar bin Khattab dan memperoleh anak yang bernama *Zeid*. Setelah Umar wafat, ia menikah dengan 'Auf bin Ja'far bin Abi Thalib. Setelah 'Auf meninggal, ia menikah dengan *Abdullah bin Ja'far bin Abi Tholib*.

Ruqoyyah puteri Rasulullah menikah dengan Usman bin Affan, mereka memperoleh putera yang bernama Abdullah. Ruqoyyah meninggal ketika kaum muslimin memenangkan perang Badar. Setelah Ruqoyyah wafat, Rasul menikahkan Usman dengan puterinya *Ummu Kultsum*. Ummu Kultsum juga meninggal dunia di bulan Sya'ban tahun sembilan Hijriyah.



€ **Cucu-cucu**

1. Al-Imaam Al-Hasan Bin 'Ali (anak Faathimah)
2. Al-Imaam Al-Husayn Bin 'Ali (anak Faathimah)
3. Zainab Bint 'Ali (anak Faathimah)
4. Ummu Kalthum Bint 'Ali (anak Faathimah)
5. Muhsin Bin 'Ali (anak Faathimah)
6. 'Ali Bin Abuu Al'Aas (anak Zainab)
7. Umaamah Bint Abuu Al-'Aas (anak Zainab)

€ **Bapa saudara**

1. Al-'Abbaas Bin 'Abdul Muttalib
2. Abuu Taalib Bin 'Abdul Muttalib
3. Dhiraar Bin 'Abdul Muttalib
4. Abuu Lahab Bin 'Abdul Muttalib ('Abdul 'Uzzaa Bin 'Abdul Muttalib)
5. Almuqawwam Bin 'Abdul Muttalib
6. 'Abdul Ka'bah Bin 'Abdul Muttalib
7. Hamzah Bin 'Abdul Muttalib
8. Az-Zubayr Bin 'Abdul Muttalib
9. AlHaarith Bin 'Abdul Muttalib
10. Qutham Bin 'Abdul Muttalib
11. Hajl Bin 'Abdul Muttalib
12. Al-Ghaidaaq Bin 'Abdul Muttalib

€ **Sepupu-pupu Nabi (Dari Bapa Saudara)**

1. Anak-anak AlHaarith Bin 'Abdul Muttalib
 - š 'Abdullah Bin AlHaarith
 - š Abuu Sufyaan Bin AlHaarith (AlMughiirah Bin AlHaarith)
 - š Umayyah Bin AlHaarith
 - š Nawfal Bin AlHaarith
 - š Rabi'ah Bin AlHaarith
 - š Arwaa Bint AlHaarith
2. Anak-anak Hamzah Bin Abdul Muttalib
 - š Ya'laa Bin Hamzah
 - š 'Umaarah Bin Hamzah
 - š Faathimah Bint Hamzah
3. Anak-anak Abii Lahab Bin Abdul Muttalib
 - š 'Utbah Bin Abii Lahab
 - š 'Utaybah Bin Abii Lahab
 - š Mu'attib Bin Abii Lahab

- š Durrah Bint Abii Lahab
- 4. Anak-anak Az-Zubayr Bin Abdul Muttalib
 - š 'Abdullah Bin Az-Zubayr
 - š Thaahir Bin Az-Zubayr
 - š Umm Al-Hakam Bint Az-Zubayr
 - š Dhubaa'ah Bint Az-Zubayr
- 5. Anak-anak Al-'Abbaas Bin Abdul Muttalib
 - š AlFadhil Bin Al-'Abbaas
 - š 'Abdullah Bin Al-'Abbaas
 - š 'Ubaidullah Bin Al-'Abbaas
 - š Qutham Bin Al-'Abbaas
 - š 'Abdurrahmaan Bin Al-'Abbaas
 - š Ma'bud Bin Al-'Abbaas
 - š Ummu Habiibah Bint Al-'Abbaas
 - š Tammaam Bin Al-'Abbaas
 - š Kathiir Bin Al-'Abbaas
 - š AlHaarith Bin Al-'Abbaas
 - š Shubayh Bin Al-'Abbaas
 - š Mishar Bin Al-'Abbaas
 - š Amiinah Bint Al-'Abbaas
 - š Shafiyyah Bint Al-'Abbaas
- 6. Anak Hajl Bin Abdul Muttalib
 - š Murrah Bin Hajl
- 7. Anak AlMuqawwam Bin Abdul Muttalib
 - š Hind Bint AlMuqawwam
 - š Arwaa Bint AlMuqawwam
- 8. Anak-anak Abii Thaalib Bin Abdul Muttalib
 - š 'Ali Bin Abii Thaalib
 - š Thaalib Bin Abii Thaalib
 - š 'Aqil Bin Abii Thaalib
 - š Ja'far Bin Abii Thaalib
 - š Ummu Hani' Bint Abii Thaalib (Faakhitah Bint Abii Thaalib)
 - š Jumanah Bint Abii Thaalib

€ **Ibu saudara**

1. 'Aatikah Bint 'Abdul Muttalib
2. Umaimah Bint 'Abdul Muttalib
3. Barrah Bint 'Abdul Muttalib
4. Shafiyyah Bint 'Abdul Muttalib
5. Ummu Hakiim Bint 'Abdul Muttalib (AlBaidhaa' Bint 'Abdul Muttalib)
6. Arwaa Bint 'Abdul Muttalib

€ Sepupu-sepupu Nabi (Dari Ibu Saudara)

1. Anak-anak 'Atikah
 - š Zuhayr
 - š 'Abdullah
 - š Qariibah
2. Anak-anak Umaymah
 - š Zainab (isteri Nabi saw)
 - š Ummu Habiibah
 - š Hamnah
 - š 'Ubaidullah
 - š 'Abdullah
 - š Abuu Ahmad
3. Anak-anak Barraah
 - š Abuu Salamah
 - š Abuu Sabrah
4. Anak-anak Shafiyyah
 - š As-Saaib
 - š 'Abdul Ka'bah
 - š Az-Zubayr
 - š Shafiyyah
 - š Ummu Habiibah
5. Anak-anak Al-Baidhaa'
 - š Arwaa
 - š 'Aamar
 - š Ummu Thalhah
6. Anak-anak Arwaa
 - š Thulayb
 - š Faathimah

€ Keluarga susuan

1. Bapa susuan
 - a. AlHaarith Bin 'Abdul 'Uzzaa Bin Rifaa'ah Bin Mallaan
2. Ibu susuan
 - a. Thuwayyah (Hamba Abii Lahab)
 - b. Haliimah Bint Abii Zuaib
3. Adik beradik susuan
 - a. Masruh (anak Thuwayyah)
 - b. Hamzah Bin 'Abdul Muttalib (disusukan Thuwayyah)
 - c. Abuu Salaamah Bin 'Abdul Asad Al-Makhzuumyy (disusukan Thuwayyah)
 - d. 'Abdullah Bin AlHaarith (anak Haliimah)
 - e. Khuzaafah Bint AlHaarith (anak Haliimah)
 - f. Aniisah Bint AlHaarith (anak Haliimah)

AQIDATUL 'AWWAAM

Pengenalan

Aqidatul Awwam yang bererti Aqidah Bagi Orang-Orang Awam ini merupakan satu himpunan aqidah yang wajib diketahui oleh setiap individu muslim.

Ia telah disusun dengan begitu baik dan teratur dalam bentuk nazam (syair) oleh **As-Syeikh As-Sayyid Ahmad Al-Marzuki Al-Maliki Al-Makki**. Penulisannya ini siap pada tahun 1258 Hijriyah, mengandungi sejumlah 57 rangkap.

Aqidatul Awwam ini sangat penting kerana dengan mengetahui nazam ini, secara tidak langsung, kita akan dapat mengetahui aqidah yang wajib diketahui oleh setiap individu Muslim secara **Ijmal** (ringkas).

Nazam Aqidatul Awwam ini sangat terkenal di dunia Islam dan telah lama diamalkan, yakni dibaca dan dipelajari, termasuk di negara kita, Singapura dan di negara-negara yang lain.

Melihat peri pentingnya Aqidatul Awwam susunan As-Syeikh Ahmad Al-Marzuki ini, **As-Syeikh Muhammad Nawawi As-Syafie** telah mengambil inisiatif untuk mensyarahkannya, iaitu memberikan keterangan dan penjelasan tentang kandungan nazam tersebut. Syarahnya terkandung dalam kitab **Nuuruz Zalaam - Syarah Manzuumah Aqidatul Awwam** yang ditulis pada tahun 1277 Hijriyah.

Menurut kitab Nuuruz Zalaam, Syeikh Ahmad Al-Marzuki telah melihat Nabi saw di dalam mimpi pada akhir malam Jumaat, 6 haribulan Rejab 1258 dengan para sahabat Nabi saw berada di kelilingnya.

Nabi saw memberitahu beliau : *“Bacalah Nazam Tauhid ini. Barangsiapa yang menghafalnya akan masuk syurga dan memperoleh segala hajatnya yang baik selagi ia mengikuti Al-Quran dan Sunnah.*

Beliau bertanya kepada Nabi saw : “Apakah nazam itu wahai Rasulullah?”. Sahabat-sahabat Nabi saw berkata kepada beliau : “Dengarlah apa yang dikatakan oleh Rasulullah”. Nabi saw berkata : Katakanlah :

أَبْدَأُ بِسْمِ اللَّهِ وَالرَّحْمَنِ

“Aku mulakan dengan nama Allah yang Maha Pemurah”.

Maka beliau membaca:

“Aku mulakan dengan nama Allah Yang Maha Pemurah”.

hingga sampai ke akhir nazam iaitu :

وَصُحُفُ الْغَلِيلِ وَالْكَلِيمِ فِيهَا كَلَامُ الْحَكَمِ الْعَلِيمِ

“Dan lembaran-lembaran suci yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa itu mengandungi firman Allah yang bersifat Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

Rasulullah saw mendengar beliau membaca. Apabila terjaga dari tidurnya, beliau membaca apa yang dilihat dalam mimpinya dan beliau mendapati dirinya telah menghafal seluruh nazam itu.

Selanjutnya, pada malam hari Jumaat, 28 haribulan Zulqaedah, beliau sekali lagi melihat Nabi saw dalam mimpi, di waktu sahur. Nabi saw berkata : *“Bacakanlah apa yang telah kamu isikan dalam hati kamu”.* Maka beliau membaca nazam itu dari awal hingga akhir. Dan beliau berdiri di hadapan

Nabi saw dan sahabat-sahabatnya r.a. berdiri di sekeliling Nabi saw sambil menyahut 'Amin' pada setiap bait (rangkap) nazam yang beliau bacakan itu.

Apabila beliau selesai membaca bacaannya, Nabi saw berkata kepadanya:

"Semoga Allah swt memberi taufiq kepadamu bila Dia meredhainya dan semoga Allah menerima apa yang kamu susunkan itu dan semoga Dia memberkatimu dan atas orang-orang mukmin, dan bermanfaat untuk hamba-hambanya. Amin."

Ketika ditanya kemudian oleh sebahagian orang tentang nazam itu, beliau memberitahu mereka, lalu menambahkan nazam itu hingga ke akhir. Katanya :

وَكُلُّ مَا أَتَى بِهِ الرَّسُولُ فَحَقُّهُ التَّسْلِيمُ وَالْقَبُولُ

"Dan segala keterangan yang dibawa oleh Rasulullah, maka terhadapnya kita wajib tunduk dan terima".

Kami persembahkan nazam **Aqidatul Awwam** ini beserta terjemahannya untuk sama-sama kita pelajari dan mendapat barakahnya.

وَبِالرَّحِيمِ دَائِمِ الْإِحْمَانِ

Dan dengan nama Yang Maha Penyayang dan nama Yang berkekalan kebaikanNya

الْآخِرِ الْبَاقِي يَلَا تَحَوَّلَ

Yang Maha Akhir lagi Maha Kekal dengan tiada berubah

عَلَى النَّبِيِّ خَيْرَ مَنْ قَدْ وَحَدَا

Semoga dilimpahkan kepada nabi sebaik-baik insan yang mentauhidkan Allah

سَبِيلَ دِينِ الْحَقِّ غَيْرَ مُبْتَدِعِ

Jalan agama yang benar dan tidak membuat bid'ah

مِنْ وَاجِبِ اللَّهِ عِشْرِينَ صِفَةً

Dari sifat dua puluh yang wajib bagi Allah Ta'ala

أَبْدًا بِاسْمِ اللَّهِ وَالرَّحْمَنِ

Aku mulakan dengan menyebut nama Allah dan nama Yang Maha Pengasih

فَالْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَدِيمِ الْأَوَّلِ

Segala puji bagi Allah yang bersifat Qadim (tiada permulaan) lagi Awwal

مُّمَّ الصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ سَرْمَدًا

Kemudian selawat dan salam untuk selama-lamanya

وَأَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَ

Dan ke atas keluarganya, para sahabatnya dan orang yang mengikut

وَبَعْدُ فَأَعْلَمُ يَوْجُوبَ الْمَعْرِفَةِ

Dan selepas itu, ketahuilah kewajipan bermakrifah (mengenal Allah)

مُخَالَفٌ لِلخَلْقِ بِالإِطْلَاقِ

Sifat-sifatNya sama sekali berbeza dengan sifat-sifat makhluk

قَادِرٌ مُرِيدٌ عَالِمٌ لِكُلِّ شَيْءٍ

Yang Maha Kuasa, Yang Berkehendak, Yang Maha Mengetahui segala sesuatu

لَهُ سَبْعَاتُ سَبْعَةٍ تَتَنظَّمُ

BagiNya sifat-sifat yang tujuh yang terangkai (dalam syair)

حَيَاةٌ أَلْعَلْمُ كَلَامٌ اسْتَمَرُّ

Sifat Hidup, Sifat Mengetahui, Sifat Berkata-kata

تَرَكَ لِكُلِّ مُمْكِنٍ كِفْعَالَهُ

Meninggalkan tiap-tiap yang boleh seperti membuatnya

بِالصِّدْقِ وَالتَّبْلِيغِ وَالْأَمَانَةِ

Serta benar kata-kata, menyampaikan wahyu dan dapat dipercaya

يَعْبُرُ نَقْصَ كَخَفِيفِ الْمَرَضِ

Dengan tidak mengurangkan darjat kemuliaan mereka, seperti sakit-sakit ringan

وَإِجِبَةٌ وَقَاضَلُوا مَلَائِكَةَ

Adalah pasti dan mereka lebih mulia dari malaikat

فَأَحْفَظُ لِحَمْسِينَ يَحْكُمُ وَإِجِبُ

Maka ingatlah aqidah yang lima puluh itu kerana hukumnya wajib

كُلُّ مَكْلُوفٍ فَحَقِّقْ وَأَعْتَنِمُ

Setiap mukallaf ketahuilah hal itu dengan nyata, dan ambillah keuntungan pahalanya

صَالِحٌ وَإِبْرَاهِيمُ كُلُّ مَتَّبِعٍ

Nabi Salleh, serta Nabi Ibrahim tiap-tiap Nabi itu diikuti

فَاللَّهُ مَوْجُودٌ قَدِيمٌ بَاقِيٌ

Maka Allah itu bersifat Ada, Sedia (Tiada permulaan), Kekal (Tidak berakhir)

وَقَائِمٌ عَنِّي وَوَاحِدٌ وَحَى

Berdiri sendiri tidak berhajat pada yang lain, Maha Esa, Yang Menghidupkan

سَمِيعٌ الْبَصِيرُ وَالْمُتَكَلِّمُ

Yang Maha Mendengar, Yang Maha Melihat, Yang Berkata-kata

فَقُدْرَةٌ إِرَادَةٌ سَمْعٌ بَصَرٌ

Sifat Kuasa, Sifat Berkehendak, Sifat Mendengar, Sifat Melihat

وَجَائِزٌ يَقْضِيهِ وَعَدْلُهُ

Dan yang harus itu dengan kelimpahan dan keadilannya

أَرْسَلْنَا أَنْبِيَاءَ ذَوِي فَطَانَةٍ

Allah telah mengutus para Nabi yang mempunyai sifat cerdas

وَجَائِزٌ فِي حَقِّهِمْ مِنْ عَرَضِ

Dan haruslah pada peribadi mereka (Nabi-nabi dan Rasul-rasul) mempunyai sifat-sifat kemanusiaan

وَإِجِبَةٌ وَقَاضَلُوا مَلَائِكَةَ

Terpeliharanya para Nabi dan Rasul (dari dosa) seperti halnya semua malaikat

وَالْمُسْتَحِيلُ ضِدُّ كُلِّ وَإِجِبِ

Dan yang mustahil itu adalah lawan semua sifat wajib

تَفْصِيلٌ خَمْسَةٌ وَعِشْرِينَ لُزْمٌ

Huraian satu persatu nama dua puluh lima Rasul itu, wajiblah diketahui

هُمُ آدَمُ إِدْرِيسُ نُوحٌ هُودٌ مَعُ

Mereka itu: Nabi Adam, Nabi Idris, Nabi Nuh, Nabi Hud

يَعْقُوبُ يُوسُفُ وَأَيُّوبُ أَحْتَدَا

Nabi Ya'kub, Nabi Yusuf, Nabi Ayyub yang telah menurut

تَو الْكِفْلِ دَاوُدُ سُلَيْمَانُ اتَّبَعُ

Nabi Zulkifli, Nabi Daud, Nabi Sulaiman yang mengikuti

عِيسَى وَطَةَ خَاتِمِ دَعِ عَيْسَا

Nabi Isa, Taha (Nabi Muhammad) nabi penghabisan, tinggalkan kesesatan

وَالِيَهُمْ مَا دَامَتِ الْأَيَّامُ

Dan atas keluarga mereka, selama dunia masih ada

لَا أَكَلْ لَا شَرِبَ وَلَا تَوَّمْ لَهُمْ

Tidak makan, tidak minum dan tidak tidur bagi mereka

مِيكَالُ إِسْرَافِيلُ عِزْرَائِيلُ

Mikail, Israfil, Izrail

عَتِيدُ مَالِكُ وَرِضْوَانُ أَحْتَدَا

'Atid, Malik dan Ridwan yang mengikut

تَوْرَاهُ مُوسَى يَأْتُهُدَى تَنْزِيلُهَا

Taurat bagi Nabi Musa diturunkannya dengan membawa petunjuk

عِيسَى وَفَرَقَانَ عَلَى خَيْرِ الْأَمَلَا

Nabi Isa dan Al-Quran yang diturunkan kepada pada sebaik-baik kaum (Nabi Muhammad saw)

فِيهَا كَلَامُ الْحَكَمِ الْعَلِيمِ

Mengandung firman Allah yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui

فَحَقُّهُ النَّسْلِيمُ وَالْقَبُولُ

Maka terhadapnya kita wajib tunduk dan terima

وَكُلِّ مَا كَانَ بِهِ مِنَ الْعَجَبِ

Dan kepada segala yang ada pada hari akhir itu, yang menghairankan

لُوطٌ وَإِسْمَاعِيلُ إِسْحَاقُ كَذَا

Nabi Lut, Nabi Ismail, Nabi Ishak

شُعَيْبُ هَارُونُ وَمُوسَى وَالْيَسَعُ

Nabi Syu'aib, Nabi Harun, Nabi Musa dan Nabi Ilyasa'

إِلْيَاسُ يونسُ زَكَرِيَّا يَحْيَى

Nabi Ilyas, Nabi Yunus, Nabi Zakaria, Nabi Yahya

عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

Semoga tetap atas mereka (para Rasul) rahmat dan salam

وَالْمَلَكُ الَّذِي يَلَا أَبٍ وَأُمَّ

Malaikat itu makhluk yang tidak berbapa dan beribu

تَقْصِيلُ عَشْرٍ مِنْهُمْ جِبْرِيْلُ

Huraian satu persatu iaitu sepuluh daripada mereka iaitu Jibril

مُنْكَرٌ تَكْوِيْرٌ وَرَقِيْبٌ وَكَذَا

Mungkar Nakir dan Raqib dan demikian pula

أَرْبَعَةٌ مِنْ كُتُبِ تَقْصِيْلُهَا

Empat buah dari kitab suci Allah itu, satu persatunya ialah

زَبُورُ دَاوُدَ وَإِنْجِيلُ عَلَى

Zabur bagi Nabi Daud dan Injil yang diturunkan kepada

وَصُحُفُ الْخَلِيْلِ وَالْكَلِيمِ

Dan lembaran-lembaran suci yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa itu

وَكُلُّ مَا أَتَى بِهِ الرَّسُولُ

Dan segala keterangan yang dibawa oleh Rasulullah

إِيْمَانُنَا يَوْمَ آخِرٍ وَجَبَ

Iman kita pada hari akhir (qiamat) adalah wajib

مِمَّا عَلَى مُكَلَّفٍ مِنْ وَاجِبٍ

Dari hal yang menjadi kewajiban bagi orang mukallaf

لِلْعَالَمِينَ رَحْمَةً وَقَضِيلاً

Untuk seluruh alam sebagai rahmat dan beliau diutamakan melebihi semua Nabi dan Rasul

وَهَاشِمٌ عَبْدٌ مَتَّافٍ يَنْسَبُ

Putera Hasyim, putera Abdul Manaf yang menjadi keturunannya

أَرْضَاعَهُ حَلِيمَةُ السَّعْدِيَّةِ

Beliau disusukan oleh Halimah As-Sa'diyyah

وَقَائِهِ يَطِيبَةُ الْمَدِينَةِ

Sedang wafat beliau di negeri Taibah iaitu Madinah

وَعُمُرُهُ قَدْ جَاوَزَ السِّيِّئَاتِ

Sedang usia beliau lebih enam puluh tahun

ثَلَاثَةً مِنَ الذُّكُورِ نَقَهُمْ

Tiga orang lelaki, semoga difahami tiga orang itu

وَطَاهِرٌ يَدِينُ دَايِئاً قَبُ

Dan Tahir, dengan kedua sebutan inilah Abdullah itu digelar (At-Tayyib & At-Tahir)

فَأُمُّهُ مَارِيَةُ الْقَيْطِيَّةِ

Ibu Ibrahim bernama Siti Maariyah Al-Qibtiyyah (berbangsa Mesir)

هُمُ سِتَّةٌ فَخَذَ بِهِمْ وَلِيَجَّةً

Mereka itu enam orang, maka kenalilah mereka itu dengan penuh cinta

رِضْوَانُ رَبِّي لِجَمِيعٍ يُذَكَّرُ

Semoga redha Allah tetap dilimpahkan pada kesemuanya, (demikian doa) diucapkan

وَابْنَاهُمَا السَّبْطَانِ فَضْلُهُمْ جَلِيٌّ

Dan kedua putera mereka adalah cucu-cucu Nabi

خَاتِمَةَ فِي ذِكْرِ بَاقِي الْوَاجِبِ

Sebagai penutup untuk menerangkan baki yang wajib diimankan

نَبِيِّنَا مُحَمَّدًا قَدْ أُرْسِلَا

Nabi kita Muhammad saw telah diutus

أَبُوهُ عَبْدُ اللَّهِ عَبْدُ الْمُطَّلِبِ

Bapa Nabi adalah Abdullah, putera Abdul Mutallib

وَأُمُّهُ آمِنَةُ الزُّهْرِيَّةِ

Ibunya ialah Aminah Az-Zuhriyyah

مَوْلِدُهُ بِمَكَّةِ الْأَمِيَّةِ

Negeri kelahiran Nabi adalah Makkah yang aman

أَتَمَّ قَبْلَ الْوَحْيِ أَرْبَعِيْنَا

Telah sempurna sebelum turun wahyu umur Nabi empat puluh tahun

وَسَبْعَةَ أَوْلَادُهُ فَمِنْهُمْ

Ada tujuh orang putera Nabi, di antara mereka

قَاسِمٌ وَعَبْدُ اللَّهِ وَهُوَ الطَّيِّبُ

Qasim dan Abdullah iaitu digelar At-Tayyib

أَتَاهُ إِبْرَاهِيمُ مِنْ سَرِيَّةِ

Ibrahim itu lahir untuk Nabi dari isteri amah (hamba)

وَعَيْرُ إِبْرَاهِيمَ مِنْ خَدِيَجَةَ

Selain Ibrahim, putera-putera Nabi dari Siti Khadijah

وَأَرْبَعٌ مِنَ الْإِنَاتِ نَذَكَّرُ

Dan empat orang anak Nabi terdiri dari wanita, empat orang ini akan disebutkan

فَاطِمَةُ الزُّهْرَاءُ بَعْلُهَا عَلِيٌّ

Fatimah Az-Zahrah yang bersuamikan Sayyidina Ali Bin

(Hassan dan Hussin), yang kemuliaan mereka sudah jelas

وَأُمَّ كُنُومٍ زَكَّاتٍ رَضِيَّةٍ

Dan Ummu Kulthum yang suci lagi diredhai

خَيْرِنَ فَأَخْتَرْنَ النَّبِيَّ الْمُقْتَدَى

Mereka semua telah diminta, memilih syurga atau dunia, maka mereka memilih Nabi yang jadi ikutan

صَفِيَّةٍ مِّمَّ يَمُوتُهُ وَرَمْلَةَ

Shafiyyah, Maimunah dan Ramlah

لِلْمُؤْمِنِينَ أُمَّهَاتٍ مَرْضِيَّةٍ

Bagi kaum mukminin, mereka itu menjadi ibu-ibu yang diredhai

عَمَّةُ صَفِيَّةٍ ذَاتُ احْتِدَى

Makcik Nabi ialah Shafiyyah yang bersifat ikut akan Nabi

مِنْ مَكَّةٍ لَيْلًا لِقُدْسٍ يُدْرَى

Dari Makkah malam hari ke Baitul Maqdis yang dapat dilihat

حَتَّى رَأَى النَّبِيَّ رَبًّا كَلِمًا

Sehingga Nabi melihat Tuhan yang berkata-kata

عَلَيْهِ خَمْسًا بَعْدَ خَمْسِينَ فَرَضُ

Kepadanya lima waktu yang sebelumnya lima puluh

وَقَرَضُ خَمْسَةِ يَلَا امْتِرَاءِ

Serta menyampaikan kewajipan solat lima waktu tanpa syak

وَيَالْعُرُوجِ الصِّدْقِ وَآفَى أَهْلُهُ

Begitu juga Mikraj pun ia membenarkannya. Kebenarannya itu pula benar pada tempatnya.

وَالْعَوَامِ سَهْلَةَ مَيْسَرَةٍ

Dan untuk orang awam adalah mudah dan ringan

مَنْ يَنْتَمِي لِلصَّادِقِ الْمَصْدُوقِ

Abi Thalib

فَزَيْتَبٌ وَبَعْدَهَا رُقَيْيَا

Zainab dan sesudah itu Ruqaiyyah

عَنْ تِسْعِ نِسْوَةٍ وَقَاهُ الْمُصْطَقَى

Sembilan orang isteri ditinggalkan oleh Nabi setelah wafatnya

عَائِشَةَ وَحَفْصَةَ وَسَوْدَةَ

Aisyah dan Hafshah dan Saudah

هَيْدًا وَزَيْتَبُ كَذَا جُوَيْرِيَا

Hindun dan Zainab dan demikian juga Juwairiyah

حَمْزَةَ عَمَّةُ وَعَبَّاسُ كَذَا

Hamzah ialah pakcik Nabi dan Abbas pun demikian juga

وَقَبْلَ هِجْرَةِ النَّبِيِّ الْإِسْرَا

Sebelum hijrah Nabi (ke Madinah) terjadi peristiwa Isra'

وَبَعْدَ الْإِسْرَاءِ عُرُوجٌ لِلسَّمَآ

Sesudah Isra' terus Mi'raj (naik) ke langit

مِنْ غَيْرِ كَيْفٍ وَاتْحِصَارٍ وَاقْتِرَاضٍ

Kata-kata tanpa bentuk dan ruang - di sini diwajibkan Allah

وَبَلَغَ الْأُمَّةَ بِالْإِسْرَاءِ

Dan Nabi telah menyampaikan kepada umat peristiwa Isra' tersebut

قَدْ فَازَ صِدِّيقٌ بِصِدِّيقٍ لَهُ

Sungguh beruntung sahabat Abu Bakar Siddiq kerana membenarkan Nabi

وَهَذِهِ عَقِيدَةٌ مُخْتَصِرَةٌ

Dan inilah keterangan Aqidah yang ringkas

تَاظِمٌ تِلْكَ أَحْمَدُ الْمَرْزُوقُ

Yang berketurunan dari Rasulullah (As-Sadiqul Masduq)

عَلَى النَّبِيِّ خَيْرَ مَنْ قَدْ عَلِمَا

Atas Nabi sebaik-baik orang yang telah mengajar

وَكُلِّ مَنْ يَخِيرُ هَدْيِي يَقْتَدِي

Dan setiap orang yang mengikut sebaik-baik jalan

وَتَقَعُ كُلٌّ مِّنْ يَّهَا قَدِ اسْتَعْلَمَ

Dan manfaat bagi setiap orang yang berpegang teguh pada aqidah ini.

تَارِيخُهَا لِي حَيٌّ عُرِّ جُمَلٌ

Masa khatamnya ialah pada tahun 1258 Hijrah

مِنْ وَاجِبٍ فِي الدِّينِ يَا تَمَامَ

Keterangan yang wajib diketahui dalam agama dengan sempurna

Penyusun nazam Aqidah ini ialah As-Syeikh As-Sayyid Ahmad Al-Marzuki

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَصَلَّى سَلَامًا

Segala puji bagi Allah semoga diberikan rahmat dan keselamatan

وَالْأَلِّ وَالصَّحْبِ وَكُلِّ مُرْتَبِدٍ

Dan keluarganya dan para sahabatnya serta yang memberi petunjuk

وَأَسْأَلُ الْكَرِيمَ إِخْلَاصَ الْعَمَلِ

Aku memohon pada Allah yang bersifat Maha Pemurah keikhlasan beramal

أَبْيَاتُهَا مِيزٌ يَعْدِي الْجُمَلِ

Nazam Aqidah ini ada lima puluh tujuh baris dengan hitungan Abjad

سَمَّيْتُهَا عَقِيدَةَ الْعَوَامِ

Aku namakan Aqidah ini Aqidatul Awaam

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

ADAB TERHADAP NABI MUHAMMAD

Nabi Muhammad saw telah diutuskan oleh Allah swt untuk membawa risalah Islam kepada seluruh umat hingga ke hari qiyamat. Sebagai pemimpin umat Islam kita seharusnya mempamerkan akhlak dan adab yang baik lagi dituntut terhadap Rasulullah saw, walaupun Baginda telah wafat. Adab-adab terhadap Baginda saw ini boleh disitilahkan sebagai hak-hak yang wajib bagi Rasulullah saw atas setiap individu Islam. Hak-hak ini ialah :

Pertama : Beriman Kepadanya saw

Iman atau kepercayaan kepada Rasulullah saw disusuli selepas iman kepada Allah swt dan diikuti pula dengan iman kepada malakikat, kitab-kitab Allah, rasul-rasulNya, Hari Akhirat serta Qadha dan Qadarnya. Beriman kepada Rasulullah saw juga adalah perintah Allah swt sebagaimana firmanNya :

فَأْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

“Maka berimanlah kepada Allah dan RasulNya yang Umami yang beriman kepada Allah serta kalimatNya dan ikutlah kamu ajaranNya agar kamu mendapat petunjuk”

Rasulullah saw bersabda :

أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَيُؤْمِنُوا بِي وَبِمَا جِئْتُ

“Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka menyaksikan bahawa tiada Tuhan selain Allah dan beriman denganku dan dengan apa yang aku bawakan”

Kedua : Cinta KepadaNya saw

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ .

“Katakanlah jika bapa-bapa, anak-anak, isteri-isteri, ahli keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugiannya, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan rasulNya dan dari berjihad pada jalanNya, maka tunggulah saat Allah mendatangkan keputusanNya dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasiq”

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

“Tidak akan sempurna iman seseorang dari kamu sehingga aku dijadikan lebih dicintai dari dirinya sendiri, bapanya, anaknya dan sekalian manusia”

Ketiga : Taat KepadaNya saw

Firman Allah swt :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ
“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada rasul dan janganlah kamu merusakkan amalan kamu”

Keempat : Mengikuti Ajarannya

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ
“Katakanlah, sekiranya kamu cintakan Allah, maka ikutlah aku, nescaya kamu akan dicintai Allah dan akan diampunkan bagimu dosa-dosamu”

Kelima : Mencontohnya

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
“Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu suatu contoh yang baik bagi sesiapa yang mengharap Allah swt dan hari akhirat”

Keenam : Membesarkannya dan Menghormatinya

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا لِتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ وَتُسَبِّحُوهُ
 بُكْرَةً وَأَصِيلًا

“Sesungguhnya Kami mengutus kamu sebagai saksi, pembawa berita gembira dan pemberi peringatan, supaya kamu sekalian beriman kepada Allah dan RasulNya, menguatkan agamaNya, membesarkannya dan bertasbihlah kepadaNya di waktu pagi dan petang”

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْدِمُوا بَيْنَ يَدَيْ اللَّهِ وَرَسُولِهِ

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan rasulNya”

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih dari suara nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras sebagaimana kerasnya suara sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain, supaya tidak hapus pahala amalanmu, sedangkan kamu tidak menyedari”

إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ

“Sesungguhnya orang yang merendahkan suara mereka di sisi Rasulullah, mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertaqwa. Bagi mereka ampunan dan pahala yang besar”

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا

“Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul di antara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian orang lain”

TAWASSUL, SELAWAT DAN SALAM KE ATAS NABI MUHAMMAD SAW

Ayat -Ayat Al-Quran Tentang Tawassul

Firman Allah swt :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

‘Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepadaNya dan berjuanglah pada jalanNya agar kamu memperoleh kejayaan.’²⁵

²⁵ Surah Al-Maidah ayat 35

Juga firman Allah swt :

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُ وَيَخَافُونَ
عَذَابَهُ إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا

*'Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampirkan diri kepada Tuhannya sekalipun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya.'*²⁶

Maka, jelaslah dari ayat-ayat tersebut bahawa wasilah atau tawassul adalah segala yang digunakan sebagai jalan untuk mendekati diri kepada Allah swt.

Ada beberapa jenis istilah yang boleh digunakan untuk menjelaskan perkara ini, tetapi ertinya sama sahaja, seperti **Al-Wasala**, **Al-Wasail**, **At-Tawasil**, **At-Tawassul**. Dengan demikian boleh dikatakan : Si fulan menghubungi Tuhannya dengan perantaraan penghubung (wasilah) dan mendekati diri kepadanya dengan perantaraan amal perbuatan tertentu. Atau dengan kata lain, wasilah adalah semua yang dijadikan sebab dikabulkan sesuatu permohonan oleh Allah swt dan menolong untuk mendekati diri kepadaNya. Si penghubung dalam hal ini adalah seseorang atau sesuatu yang memiliki nilai dan kedudukan lebih tinggi dibandingkan orang yang minta perantaraan untuk memohon kepadaNya.

Sebagai pemimpin umat, Rasulullah saw sendiri pernah bertawassul dengan perantaraan para nabi-nabi sebelumnya. Ibn Hibban r.a. dan Al-Hakim r.a. dari Anas ra, beliau berkata : *'Tatkala Fatimah binti Asad r.a., ibunda Ali bin Abi Talib r.a. wafat, Rasulullah saw masuk ke rumahnya...'* hingga pada akhir hadis dikisahkan : Setelah selesai menggali kuburnya, Rasulullah saw masuk dan bersandar seraya bersabda :

اللَّهُ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ ، اغْفِرْ لِأُمِّي فَاطِمَةَ بِنْتِ أَسَدٍ ، وَلَقِّنْهَا
حُجَّتَهَا وَوَسِّعْ مَدْخَلَهَا بِحَقِّ نَبِيِّكَ وَالْأَنْبِيَاءِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِي فَإِنَّكَ أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

'Ya Allah Yang Menghidupkan dan Mematikan, Dia yang Hidup dan tidak pernah mati, ampunilah ibundaku, Fatimah binti Asad, terimalah permohonannya, dan lapangkanlah baginya jalan masuknya (ke kubur), demi NabiMu dan Nabi-Nabi sebelumku, kerana Dikau Maha Pengasih dan Maha Penyayang.'

²⁶ Surah Al-Isra' ayat 57

Dalam hadis di atas kita boleh melihat betapa Rasulullah saw bertawassul kepada Tuhannya dengan perantaraan dirinya sendiri, yang memang memiliki kedudukan yang tertinggi, dan diri saudara-saudaranya sesama Nabi, yang semuanya telah wafat.

Bertawassul Dengan Perantaraan Rasulullah saw

Bertawassul dengan Rasulullah saw memberi pengertian bahawa orang yang memiliki keperluan itu memohon kepada Allah swt dengan perantaraannya, atau dengan perantaraan kehormatannya, atau dengan perantaraan berkatnya. Jenis tawassul ini tidak dibezakan, antara bertawassul dengan perantaraan orang yang berkedudukan tinggi sebelum dia ada atau sesudahnya, selama kehidupannya di dunia atau kehidupannya di akhirat.

Pertama : Bertawassul Sebelum Rasulullah saw Diciptakan

Diterima dari Abu Sa'id Amru bin Muhammad r.a. dari Umar al-Khattab ra, katanya :

لَمَّا اقْتَرَفَ آدَمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ الْخَطِيئَةَ قَالَ : يَا رَبِّ أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ أَلَّا غَفَرْتَ لِي ،
فَقَالَ اللَّهُ يَا آدَمُ وَكَيْفَ عَرَفْتَ مُحَمَّدًا وَلَمْ أُخْلُقْهُ؟ قَالَ يَا رَبِّ لِأَنَّكَ لَمَّا خَلَقْتَنِي
بِيَدِكَ وَتَفَخَّخْتُ فِي مَنْ رُوحِكَ، رَفَعْتُ رَأْسِي فَرَأَيْتَ عَلَيَّ قَوَائِمَ الْعَرْشِ مَكْتُوبًا لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ . فَعَرَفْتُ أَنَّكَ لَمْ تُضَفْ إِِلَى اسْمِكَ إِلَّا أَحَبُّ الْخَلْقِ إِلَيْكَ .
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : صَدَقْتَ يَا آدَمُ، أَنَّهُ أَحَبُّ الْخَلْقِ إِلَيْكَ، وَإِذْ سَأَلْتَنِي بِحَقِّهِ فَقَدْ
غَفَرْتُ لَكَ، وَلَوْ لَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقْتُكَ .

'Rasulullah saw bersabda : 'Tatkala Nabi Adam, melakukan kesalahan, dia bertaubat dan berkata : 'Wahai Tuhanku, aku memohon dengan hak Muhammad agar Engkau mengampuniku.' Maka Allah menjawab: 'Hai Adam, bagaimana engkau mengetahui soal Muhammad sedangkan dia belum lagi diciptakan?' Adam menjawab : 'Wahai Tuhanku, setelah Engkau menciptakan aku, aku mendongak ke langit memandang tiang-tiang Arasy yang tertulis: Laa Ilaaha Illallah Muhammadur Rasulullah. Maka aku tahu bahawa Engkau tidak akan menyertakan namaMu kecuali dengan nama orang yang Kau kasihi.' Allah menjawab: 'Engkau benar wahai Adam. Dia adalah makhluk yang paling

Kukasihi. Kalau engkau memohon kepadaKu dengan haknya, kau Ku ampuni. Kalau tidak kerana Muhammad, tidaklah Aku menciptakanmu.'

Diterima dari Qatadah r.a. dari Sa'id bin al-Musayyab ra dari Ibn Abbas ra katanya :

أَوْحَى اللَّهُ إِلَى عِيسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ، يَا عِيسَى آمِنَ بِمُحَمَّدٍ، وَ أَمْرَ مَنْ أَدْرَكَهُ مِنْ أُمَّتِكَ أَنْ يُؤْمِنُوا بِهِ، فَلَوْلَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقْتُ آدَمَ، وَلَوْلَاهُ مَا خَلَقْتُ الْجَنَّةَ وَالنَّارَ، وَلَقَدْ خَلَقْتُ الْعَرْشَ عَلَى الْمَاءِ فَاضْطَرَبَ فَكَتَبْتُ عَلَيْهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ فَسَكَنَ.

Allah mewahyukan kepada Isa as, 'Percayalah engkau kepada Muhammad, dan perintahkanlah umatmu untuk beriman kepadanya. Seandainya tidak kerana Muhamad, Aku tidak akan menciptakan syurga dan neraka. Aku menciptakan Arasy di atas air kemudian dia bergerak. Maka Ku tulis di atasnya : Laa Ilaaha Illallah, Muhammadur Rasulullah sehinggalah dia tenang.'

Kedua : Bertawassul Setelah Rasulullah saw Diciptakan

Isa Al-Tirmizi dalam kitabnya **Al-Da'awat** berkata :

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ حَنِيفٍ أَنَّ رَجُلًا ضَرِيرَ الْبَصَرِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ :
 ادْعُ اللَّهَ أَنْ يُعَافِيَنِي قَالَ : إِنْ شِئْتَ دَعَوْتُ , وَإِنْ شِئْتَ صَبَرْتُ , فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ قَالَ :
 فَادَعُهُ قَالَ : فَأَمْرَهُ أَنْ يَتَوَضَّأَ فَيُحْسِنُ وَضُوءَهُ وَيَدْعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ
 وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ يَا مُحَمَّدُ إِنِّي تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي
 حَاجَتِي لِتَقْضَى لِي اللَّهُمَّ فَشَفِّعْهُ فِيَّ.

Dari Uthman bin Hanif r.a., katanya : Seorang lelaki buta mendatangi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan berkata : 'Pohonkan kepada Allah

agar aku diberikanNya kesembuhan.' Rasulullah menjawab : 'Kalau engkau menghendaki aku berdoa, akan ku lakukan. Namun kalau engkau mahu bersabar, maka itu lebih baik.' Orang itu berkata : 'Doakanlah.' Rasulullah kemudian menyuruhnya berwudhu' dengan baik, lalu solat dua raka'at dan berdo'a dengan do'a berikut : 'Ya Allah, aku memohon kepadaMu dengan NabiMu, Muhammad yang penyayang. Wahai Muhammad, aku menghadap kepada Tuhan dengan engkau tentang keperluanku, maka perkenankanlah. Ya Allah, jadikanlah dia penolong bagiku.'

Selain dari itu pengertian yang terkandung di dalam tawassul ini tidak berbeza, meskipun ada yang menggunakan istilah *Tawassul, Isti'anah, Syafa'at* atau *Tawajjuh*.

Barangsiapa memohon dengan doa tersebut bererti bertawassul dengan perantaraan Nabi saw. Baginda menjadi wasilah bagi tercabul doanya kepada Allah. Dengan kata lain, dia meminta pertolongan kepada Allah melalui Nabi saw agar maksudnya tercapai. Meminta pertolongan dengan perantaraannya, mengarah dengan perantaraannya, semuanya kembali kepada satu maksud.

Tidak dapat dibenarkan bila seseorang meminta pertolongan kepada orang yang dijadikannya perantaraan untuk meminta pertolongan. Hal yang seperti itu tidak boleh dikatakan : *'Meminta pertolongan dengan perantaraannya, melainkan meminta pertolongan kepadanya.'*

Apa yang dimaksudkan di sini adalah memohon kepada Allah melalui Nabi saw, sebagaimana disebutkan di dalam hadis tentang Adam di atas, dan sebagaimana difahami oleh orang-orang.

Bukan bererti seseorang itu dilarang memohon kepada Allah secara langsung. Namun dalam hal ini maksudnya adalah bahawa kedudukan, nilai dan martabat Nabi di sisi Allah swt tidak diragukan lagi. Sementara kebiasaan yang berlaku, seseorang yang dikenal oleh orang itu atau pernah berjasa kepadanya memiliki kemungkinan lebih besar untuk dikabulkan. Dalam hal ini, tidak menjadi masalah apakah orang yang dijadikan sebagai perantara itu ikut hadir di situ atau tidak. Di dalam hadis tentang Adam Alaihissalam, Nabi saw menjadi perantara permohonan Adam jauh sebelum baginda diciptakan.

Permohonan kita tetap diajukan kepada Allah dan tidak berdoa kecuali kepadaNya. Hanya, dalam memohon tersebut kita menyebut seseorang yang dicintai dan diagungkanNya dengan maksud agar permohonan kita dikabulkan. Sebagaimana yang biasa tertera dalam doa-doa yang ma'thur, misalnya :

'Aku bermohon dengan semua nama yang Kau miliki, memohon dengan namaMu yang baik, meminta kerana Engkaulah Allah, dan berlindung dengan

redhaMu dari murkaMu, serta keselamatan dari seksaMu, berlindung denganMu dariMu.'

SELAWAT DAN SALAM UNTUK RASULULLAH SAW

Pengertian Selawat Dan Salam

Allah berfirman :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”²⁷

Antara hikmahNya, apabila Allah bermaksud memerintahkan manusia untuk mengucapkan selawat dan salam untuk RasulNya, maka pada awal perkataanNya, Dia sendiri mengucapkan selamat untuk RasulNya, demikian juga para malaikatNya. Setelah ucapan selawatNya dan selawat malaikat-malaikatNya untuk Rasulullah saw, barulah Dia memerintahkan agar umatNya melakukan hal serupa.

Setelah Allah sendiri mengucapkan selawat untuk rasulnya demikian pula malaikat-malaikatnya yang terhormat, lalu Dia memerintahkan kepada umatNya untuk melakukan hal itu, masihkah hendak diragukan disyariatkan selawat dan salam untuk insan yang dipilih Allah sebagai rahmat bagi makhlukNya dan sebagai pengembang risalahNya ini?

Terutamanya, selawat dan salam untuk Rasulullah saw telah ditetapkan oleh syariat di dalam Kitab yang mulia dan Sunnah yang suci.

Firman Allah swt dalam Al-Quran :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”²⁸

²⁷ Surah Al-Ahzab ayat 56

²⁸ Surah Al-Ahzab ayat 56

Sedangkan dari Sunnah terdapat hadis-hadis sahih tentang disyariatkannya selawat dan salam atas Rasulullah dalam gambaran yang tak terbilang, antara lain :

Dari Abdullah bin Amru bin Ash r.a., bahawa dia mendengar Rasulullah bersabda :

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا

*'Barangsiapa berselawat untuk ku sekali maka Allah akan membalas baginya sepuluh kali.'*²⁹

Dari Ibn Masud r.a. katanya :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً

*'Bahawa Rasulullah saw bersabda : 'Orang yang paling dekat denganku pada hari kiamat adalah yang paling banyak selawatnya kepadaku.'*³⁰

Dari Aus bin Aus Radiallahu'anhu katanya : Rasulullah saw bersabda :

*'Bahawa sebaik-baik hari kamu adalah hari Jumaat, maka perbanyakkanlah berselawat untukku pada hari itu, sebab selawat kalian diperlihatkan kepadaku.' Lalu mereka bertanya : 'Wahai Rasulullah, bagaimana selawat kami diperlihatkan kepada anda apabila anda sudah hancur - dikatakan : sudah binasa - ?' Lalu Baginda menjawab : 'Allah mengharamkan tanah memakan jasad para Nabi.'*³¹

Dari Abu Hurairah ra katanya :

Rasulullah saw bersabda :

*'Sungguh rugi seseorang yang aku disebut dihadapannya tetapi dia tidak berselawat untukku.'*³²

Dari Abu Hurairah ra katanya :

²⁹ Hadis riwayat Imam Muslim dalam Sahihnya

³⁰ Hadis riwayat At-Tarmizi Hadis Hasan

³¹ Hadis riwayat Abu Daud Hadis Sahih

³² Hadis Riwayat At-Tarmizi Hadis Hasan

مَا مِنْ أَحَدٍ يُسَلِّمُ عَلَيَّ إِلَّا رَدَّ اللَّهُ عَلَيَّ رُوحِي حَتَّى أَرُدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ .

*Rasulullah s.a.w. bersabda : 'Setiap orang yang mengucapkan salam kepada ku, Allah akan menjawabnya dengan mengembalikan rohku untuk menjawab salamnya.'*³³

Dari Ali bin Abi Thalib Radiallahu'anhu katanya :

الْبُعَيْلُ مَنْ ذُكِرَتْ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ .

*Rasulullah saw bersabda : 'Orang yang kikir adalah orang yang apabila namaku disebut, dia tidak berselawat untukku.'*³⁴

Faedah- Faedah Selawat

- Menyertai Allah dalam berselawat untuk saw, walaupun caranya berlainan, sebab selawat kita berisi doa dan permohonan, sedangkan selawat Allah berisi puji-pujian dan penghargaan.
- Malaikat ikut berselawat di dalamnya
- Bagi orang yang berselawat, ada pahala 10 kali ganda daripada Allah, dan tambahan bagi orang yang melakukan hal lainnya
- Selawat menyebabkan seseorang ditinggikan 10 darjat, dituliskan baginya 10 kebaikan, dan dihapuskan darinya sepuluh dari keburukan
- Selawat boleh diharapkan ijabah doanya apabila diajukan di hadapan-Nya. Ia boleh menaikkan doa kepada Allah, sebab doa yang tidak disertai selawat akan terhenti di antara langit dan bumi
- Selawat mendatangkan syafa'at Rasulullah saw apabila dipadukan dengan permohonan wasilah untuk Baginda
- Selawat menyebabkan dihapuskan dosa dan kesalahan
- Selawat menyebabkan Allah mencukupi keperluan orang yang membacanya.
- Selawat menyebabkan orang yang membacanya dekat dengan Rasulullah saw pada hari kiamat

³³ Hadis riwayat Abu Daud Hadis Hasan

³⁴ Hadis riwayat At-Tarmizi, Hadis Hasan dan Hadis Sahih

-
- Selawat boleh menjadi sedekah bagi orang yang kekurangan
 - Selawat menyebabkan terkabulnya keperluan
 - Selawat menyebabkan Allah dan para malaikat berselawat untuk orang yang membacanya
 - Selawat merupakan zakat untuk menegakkan dan mensucikan solat
 - Selawat menyebabkan diberitakan syurga bagi hamba sebelum ia mati
 - Selawat mendatangkan keselamatan dari kesulitan hari kiamat
 - Selawat mendatangkan balasan selawat dan salam Rasulullah saw untuk orang yang membacanya, sebagaimana yang dituturkan di dalam hadis-hadis sahih yang telah disebutkan
 - Selawat mengembalikan ingatan seseorang hamba yang melupakan sesuatu
 - Selawat memperindahkan majlis dan tidak menjadi sia-sia bagi keluarga orang yang membacanya pada hari kiamat
 - Selawat melenyapkan kefakiran dan dosa, sebagaimana telah disebutkan sebelumnya tentang disyariatkannya
 - Selawat menolak sifat kikir dari seorang hamba, apabila dibaca ketika nama Nabi saw disebut
 - Selawat merupakan penyelamat dari doa kepadaNya kalau ditinggalkan ketika nama Nabi saw disebut
 - Selawat menghantar pembacanya ke jalan syurga, dan besar kesalahan orang yang meninggalkan jalan tersebut
 - Selawat menyelamatkan seseorang dari fitnah-fitnah majlis yang di dalamnya tidak disebut nama Allah dan RasulNya, dan tidak memuji, mengagungkan serta berselawat untuk RasulNya
 - Selawat menutup dan menyempurnakan perkataan yang diawalikan dengan tahmid kepada Allah dan selawat untuk RasulNya
 - Selawat menjadi cahaya bagi hamba di atas Sirat
 - Selawat mengeluarkan hamba dari kejahatan

- Selawat menyebabkan Allah mengukuhkan sebutan baik dan pujian bagi makhluk langit dan bumi, sebab orang yang berselawat memohon kepada Allah untuk memberi kemuliaan dan keagungan kepada RasulNya, ditinggikan kedudukannya dan dibalasi setimpal dengan amalannya. Maka orang yang berselawat wajib mendapatkan hal-hal seperti ini
- Selawat menyebabkan orang yang berselawat dikurniakan berkat pada amalannya, usia, dan sebab-sebab kebajikannya.
- Selawat menyebabkan seseorang mendapat rahmat Allah, sebab rahmat ini juga diminta di dalam selawat
- Selawat menyebabkan kemantapan rasa cinta kepada Rasulullah saw. Ini merupakan pertalian iman. Tidak akan sempurna iman seseorang, kecuali dengannya.
- Selawat untuk Nabi saw akan menjadi penyebab bertambahnya kecintaan seseorang hamba kepada Baginda
- Selawat mengundang hidayah bagi hamba yang menghidupkan hatinya. Sebab setiap kali seorang hamba memperbanyakkan selawat untuknya dan mengenangkannya, rasa cinta pun menguasai hatinya, sampai tiada lagi bangkangan terhadap perintahnya, dan tidak pula ada keraguan tentang apa saja yang datang dari dirinya
- Selawat menyebabkan seseorang dikenal oleh Rasulullah saw dan disebut disisinya, sebagaimana sabdanya : 'Bahawa selawat kamu diperlihatkan kepadaku.' Juga sabdanya : *'Bahawa Allah mewakilkan di kuburku, Malaikat yang menyampaikan salam dari umatku.'* Dan seorang hamba dikatakan memperolehi keberhasilan apabila namanya disebutkan di hadapan Rasulullah saw
- Selawat mengukuhkan kaki di atas Sirat. Hadis dari 'Abdurrahman bin Samurah yang diriwayatkan oleh Sa'id bin Musayyab tentang mimpi Nabi saw menyatakan sabda Baginda : *'... Aku melihat seorang dari umatku merangkak di atas sirat dan berjalan dengan empat kaki, dan adakalanya tergelincir. Kemudian datanglah selawatnya kepadaku, maka dia dikukuhkan di atas kakinya dan diselamatkan oleh selawatnya.'*³⁵
- Selawat menjamin zikrullah dan syukur kepadaNya, dan ma'rifat pemberian nikmatNya kepada hamba-hambaNya dengan mengutus RasulNya. Orang yang membaca selawat secara langsung berselawat untuk Nabi saw, berzikir kepada Allah, berzikir kepada RasulNya, dan memohon balasan selawat bagi dirinya sendiri.

³⁵ Hadis Riwayat Abu Musa Al Madini, yang tertulis di dalam kitab **At Targhib Wat Tarhib**, dan dikatakan bahawa hadis ini hasan.

Contoh-Contoh Selawat

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ , وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تَكُونُ لَكَ رِضَاءً , وَلَهُ
 جَزَاءً وَلِحِقَهُ أَدَاءً , وَأَعْطَهُ الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ , وَالْمَقَامَ الْمَحْمُودَ الَّذِي وَعَدْتَهُ , وَأَجْزِهِ
 عَنَّا مَا هُوَ أَهْلُهُ , وَأَجْزِهِ أَفْضَلَ مَا جَزَيْتَ بِهِ نَبِيًّا عَن قَوْمِهِ , وَرَسُولًا عَن أُمَّتِهِ , وَصَلِّ
 عَلَى جَمِيعِ إِخْوَانِهِ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصَّالِحِينَ , يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ فَضَائِلَ صَلَوَاتِكَ , وَشَرَائِفَ زَكَاتِكَ , وَفَضَائِلَ آيَاتِكَ , عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
 سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ , وَرَسُولِ رَبِّ الْعَالَمِينَ , قَائِدِ الْخَيْرِ , وَفَاتِحِ الْبَرِّ , وَنَبِيِّ الرَّحْمَةِ , وَسَيِّدِ
 الْأُمَّةِ .

Ya Allah, limpahkanlah selawat untuk Sayyidina Muhammad dan untuk keluarga Sayyidina Muhammad sebagai selawat yang menjadi keredhaanMu, sebagai balasan baginya, sebagai memenuhi haknya, sebagai pemberian wasilah dan keutamaan baginya, sebagai kedudukan yang terpuji sebagaimana yang telah Engkau janjikan. Balasilah dia melalui kami tentang apa yang telah menjadi miliknya, dan balaslah dia dengan balasan paling utama yang pernah kau limpahkan kepada seorang Nabi dari kaumnya dan seorang Rasul dari umatnya. Dan limpahkanlah selawat kepada semua saudaranya dari para Nabi dan orang-orang soleh, wahai Zat Yang Paling Penyayang.

Ya Allah, jadikanlah keutamaan selawatMu, kemuliaan kesucianMu, melimpahnya berkatMu, kelembutan kasihMu, rahmatMu, kehormatanMu, serta keutamaan perlindunganMu bagi Sayyidina Muhammad, pemuka para Rasul, utusan Tuhan Alam Semesta, pemimpin kebaikan, pembuka kebaikan, Nabi yang membawa rahmat, serta pemimpin umat.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِ اللَّهِ الْعَظِيمِ الَّذِي مَلَأَ أَرْكَانَ عَرْشِ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَقَامَتْ بِهِ
 عَوَالِمُ اللَّهِ الْعَظِيمِ، أَنْ تُصَلِّيَ عَلَيَّ مَوْلَانَا مُحَمَّدَ ذِي الْقَدْرِ الْعَظِيمِ وَعَلَى آلِ نَبِيِّ اللَّهِ
 الْعَظِيمِ، بِقَدْرِ عَظَمَةِ ذَاتِ اللَّهِ الْعَظِيمِ، فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا فِي عِلْمِ اللَّهِ
 الْعَظِيمِ، صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِ اللَّهِ الْعَظِيمِ، تَعْظِيمًا لِحَقِّكَ يَا مَوْلَانَا يَا مُحَمَّدُ يَا ذَا الْخَلْقِ
 الْعَظِيمِ وَسَلِّمْ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ مِثْلَ ذَلِكَ وَاجْمَعْ بَيْنِي وَبَيْنَهُ كَمَا جَمَعْتَ بَيْنَ الرُّوحِ
 وَالنَّفْسِ، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا يَقْظَةً وَمَنَامًا وَاجْعَلْهُ يَا رَبُّ رُوحًا لِذَاتِي مِنْ جَمِيعِ الْوُجُوهِ فِي
 الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ يَا عَظِيمُ

Ya Allah, aku memohon dengan cahaya Allah yang Agung, yang memenuhi tiang-tiang 'Arasy Allah yang Agung, dan tegak dengannya ilmu Allah yang Agung, agar Engkau melimpahkan selawat bagimu, wahai Maula kami, wahai Muhammad, wahai makhluk yang agung. Dan limpahkanlah keselamatan baginya dan bagi keluarganya serupa itu, dan kumpulkanlah keselamatan baginya dan bagi keluarganya serupa itu, dan kumpulkanlah aku dengannya sebagaimana Engkau mengumpulkan ruh dengan nafas, baik zahir mahupun batin, sewaktu terjaga atau terlena. Dan jadikanlah, wahai Tuhan, ruh bagi zatku dari semua wajah di dunia sebelum akhirat, wahai Yang Maha Agung.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ , عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ , النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ , وَعَلَى آلِهِ
 وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا بِقَدْرِ عَظَمَةِ ذَاتِكَ فِي كُلِّ وَقْتٍ وَحِينٍ .

Ya Allah, limpahkanlah selawat untuk Sayyidina Muhammad, hambaMu, NabiMu, dan RasulMu, Nabi yang 'ummi. Dan limpahkanlah selawat untuk keluarganya dan sahabat-sahabatnya, dan ucapkanlah salam penghormatan dengan keagungan ZatMu di setiap waktu dan masa.

الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدِي يَا رَسُولَ اللَّهِ , قَلْتُ حَتِّي , أَنْتَ وَسَيِّئَتِي أَدْرِكْنِي .

Selawat dan keselamatan bagimu, wahai pemimpinku, wahai Rasulullah, hanyalah sedikit dayaku, sedangkan engkau adalah wasilahku, maka tolonglah aku.